

**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHEM)**
www.jthem.com



IMPLIKASI PANDEMIK COVID-19 TERHADAP USAHAWAN KIOSK PUSAT MEMBELI-BELAH 1 BORNEO

*THE IMPLICATION OF COVID 19 PANDEMIC ON KIOSK ENTREPRENEURS
IN 1 BORNEO SHOPING COMPLEX*

Chentia Subi¹, Lindah Roziani Jamru^{2*}, Zulayti Zakaria³, Ang Kean Hua⁴

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: ba19110948@student.ums.edu.my

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: lindahroziani@ums.edu.my

³ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: zulaytizakaria@ums.edu.my

⁴ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: angkeanhua@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.09.2022

Revised date: 10.10.2022

Accepted date: 30.11.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Subi, C., Jamru, L. R., Zakaria, Z., & Ang, K. H. (2022). Implikasi Pandemik Covid-19 Terhadap Usahawan Kiosk Pusat Membeli-Belah 1 Borneo. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 7 (30), 148-166.

DOI: 10.35631/JTHEM.730012

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Coronavirus telah menular hampir di setiap pelusuk dunia. Situasi semasa dan cabaran yang dihadapi oleh semua negara menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 yang sedang berlaku ini merupakan sebuah krisis berskala global yang memberi kesan terhadap sosio-ekonomi dunia. Di Malaysia, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang merupakan salah satu penyumbang utama dalam keluaran dalam negeri kasar (KDNK) begitu terjejas. Hal ini disebabkan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diisyitiharkan oleh kerajaan berikutan pandemik COVID-19 telah menyebabkan pelbagai sektor industri terpaksa menghentikan perniagaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji implikasi pandemik COVID-19 terhadap peniaga kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada pengusaha kiosk disebabkan kurangnya pelanggan semasa PKP dilaksanakan (skor min = 4.64), pendapatan jualan menurun dengan majoritinya RM3000 ke bawah sebulan (skor min = 4.54), dan kutipan jualan harian tidak dapat menampung modal yang diperlukan (skor min = 4.12). Justeru itu, berdasarkan hasil kajian kesan Pandemik COVID -19 terhadap Perusahaan Kecil dan Sederhana, pihak terlibat perlu mengambil langkah dan strategi untuk membantu mereka yang terjejas dengan menyediakan pelbagai inisiatif yang lebih berkesan dan komprehensif dalam menangani situasi ini.

Kata Kunci:

COVID-19, Implikasi, PKS, Usahawan, Sabah

Abstract:

As we know, world have been shocked by the corona virus that spreading all over the whole world. The challenges that have been faced by all the countries in whole world shows that COVID-19 pandemic is a global scale crisis. It gave a huge impact on world socio-economy. In Malaysia, small and medium enterprises (SME) which is one of the biggest contributors in gross domestic product (GDP) are highly affected by this crisis. This is due to the Movement Control Order (MCO) implemented by the government following the COVID-19 pandemic which has caused various industrial sectors to stop business. Therefore, this study was carried out to determine the implications of the COVID-19 pandemic on kiosk entrepreneurs in 1 Borneo shopping complex by using quantitative and observational methods. The result of the study shows that the COVID-19 pandemic has gave an impact on kiosk entrepreneurs due to the lack of customers when the MCO was implemented (min score = 4.64), majority of the sales decreased to below RM3000 per month (min score = 4.54), and daily sales collections also could not reach the required capital (min score = 4.12). Therefore, based on the study of the impact of the COVID-19 Pandemic on Small and Medium Enterprises (SME), the government need to take action and strategies to help those affected by providing various initiatives that are more effective and comprehensive in dealing with this situation.

Keywords:

COVID-19, Implication, SME, Entrepreneurs, Sabah

Pengenalan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diisytiharkan oleh kerajaan berikutan penularan COVID-19 yang semakin meningkat setiap hari. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan buruk terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kebanyakan rakyat Malaysia terkesan khususnya kepada usahawan yang kehilangan punca pendapatan semasa pandemik COVID-19 (Baharun & Balwi, 2021). Menurut Rashid & Hassan (2020), sektor perniagaan kecil merupakan sektor yang terjejas apabila perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan. Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula pada 18 Mac sehingga 28 April 2020 bagi memutuskan rangkaian jangkitan wabak COVID-19 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Berita Harian, 2020). Sektor ekonomi negara lumpuh seketika dan banyak industri dan perniagaan turut menerima kesan apabila perniagaan mereka tidak dapat beroperasi seperti biasa apabila PKP dilaksanakan.

Dalam situasi Pandemik COVID-19, usahawan menghadapi dua impak yang berbeza iaitu terdapat daripada mereka yang mencatat pendapatan yang melonjak tinggi dan ada juga yang semakin merundum. Hal ini demikian kerana sewaktu PKP dilaksanakan pergerakan orang ramai semakin terhad dan pelanggan tidak dapat keluar untuk pergi ke pusat membeli belah. Tambahan lagi, pengumuman perintah kawalan pergerakan PKP yang dilaksanakan mengakibatkan banyak sektor perniagaan kecil terkesan dan terjejas (Rashid & Hassan, 2020; Fareez, 2020). Pengaruh daripada kesan ini dirasai dalam sektor industri kecil dan sederhana

kerana menyumbang 98.5 peratus daripada jumlah keseluruhan perniagaan yang secara langsung mempengaruhi sektor tersebut (Smita, 2020).

Menurut Yi (2020), terdapat cabaran yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana berbeza mengikut kategori. Hal ini dapat dilihat apabila pengusaha sederhana lebih cepat pulih berbanding dengan golongan pengusaha mikro. Hal ini kerana pengusaha sederhana mempunyai simpanan yang lebih besar berbanding dengan pengusaha mikro. Selain itu, komitmen kewangan dari segi gaji pekerja dan sewa perlu ditanggung oleh golongan pengusaha mikro yang mempunyai simpanan sedikit jika dibandingkan dengan pengusaha sederhana. Terdapat 37,415 usahawan terpaksa “gulung tikar” sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda negara, jumlah 26,007 adalah daripada usahawan mikro manakala 2,733 adalah daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19 (Bernama, 2021). Lantaran itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kesan pandemik COVID-19 fokus terhadap usahawan kios pusat membeli-belah 1 Borneo.

Sorotan Karya

Menurut Ali Salman & Nelson (2006), Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia terlibat dalam pelbagai industri yang mewakili sebahagian besar daripada jumlah perniagaan dalam pelbagai sektor dan merupakan salah satu penyumbang utama dalam keluaran dalam negeri kasar (KDNK). PKS dikategorikan kepada tiga kelas iaitu kategori mikro, kecil dan sederhana (Rima & Harifah, 2021). PKS merupakan salah satu agen dalam membantu meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Hal ini disebabkan PKS dapat memberi peluang pekerjaan, meningkatkan pengeluaran negara, menjana eksport, penyatuan antara perusahaan dan membantu dalam proses pengeluaran daripada industri yang berskala sederhana dan skala besar (Loganathan et al., 2004). Menurut Yusof & Zakaria (2004), PKS bukan sahaja menjadi tulang belakang terhadap pembangunan ekonomi negara namun ia juga merupakan salah satu tempat untuk mengasah dan mencari bakat keusahawanan yang terdapat dalam setiap diri individu. Oleh itu, tanpa sumbangan dan sokongan yang besar daripada PKS, kadar pertumbuhan yang pesat iaitu pada purata 8.4% setahun dalam tempoh masa tahun 1989-1994 tidak akan tercapai (Moha Asri, 1998).

Negara Asia seperti Jepun dan Republik China merupakan negara yang maju dimana PKS menyumbang kepada KDNK melebihi 55% berbanding di negara Malaysia yang mana PKS hanya menyumbang sebanyak 32%. Menurut Laporan Tahunan PKS (2007), terdapat beberapa inisiatif daripada kerajaan dengan memberikan keutamaan terhadap pembangunan PKS agar kemampuan PKS dapat dicapai. Dalam pada itu, ramai penyelidik berminat dengan melakukan kajian berkenaan dengan prestasi PKS kerana perkembangan PKS semakin pesat di seluruh negara. Berdasarkan kajian terdahulu sebelum ini faktor yang mempengaruhi kejayaan PKS ialah mempunyai ciri-ciri pengurus atau pemilik, tempoh perniagaan, saiz perniagaan berdasarkan bilangan pekerja, jenis keusahawanan, ataupun jenis pengurusan atau pemilik, lokasi dan perbezaan sektor industri (Nor Hasni, 2005). Manakala menurut Rosli et al. (2007) dalam kajianya pula mendapati faktor ciri-ciri pemilik atau pengurus, jenis perusahaan, tahap pendidikan, amalan pengurusan, dasar kerajaan, pengalaman, usia, dan saiz adalah menunjukkan kejayaan perusahaan kecil. Menurut Ibrahim dan Yahya (2014), antara agensi yang terlibat dalam membantu usahawan ialah seperti Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), UDA Holdings Bhd, Bank Pembangunan, SME BANK, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Bank Rakyat, Jabatan Pembangunan Koperasi

(JPK), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan Syarikat Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDCs).

Namun, kebanyakan perniagaan gagal kerana amalan pengurusan kaedah yang lemah (Mohd Tarmizi & Muhd Rashid, 2009). Keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan pelanggan, pembekal dan persekutuan kewangan perniagaan adalah salah satu faktor yang ditonjolkan dalam pengurusan perniagaan yang cemerlang. Peniaga yang enggan untuk berubah akan menghadapi kesukaran dalam operasi perniagaan mereka. Keupayaan seseorang untuk menjadi seorang usahawan juga dipengaruhi oleh aspek psikologi, sosiologi, dan latar belakang. Salah satu faktor keusahawanan yang berinteraksi dengan dimensi lain untuk memberi impak kepada pembentukan usahawan yang berjaya ialah keupayaan individu untuk menjadi seorang usahawan.

Menurut Finley (1990), semakin banyak ciri-ciri keusahawanan yang ada pada seorang usahawan, semakin tinggi kebarangkalian seseorang untuk menjadi usahawan yang berjaya. Usahawan yang bermotivasi untuk berjaya, bijak mengambil peluang, sentiada bersedia untuk belajar daripada kegagalan, bersedia mengambil risiko, berani menghadapi cabaran, kreatif dan fleksibel adalah merupakan ciri-ciri usahawan yang berjaya (Zimmerer & Scarborough, 1996).

Kemahiran seperti dalam pengurusan, pemasaran, dan kewangan adalah diperlukan dalam diri seorang usahawan kerana faktor-faktor kemahiran yang ada tersebut dapat mempengaruhi kejayaan (Zaidatol, 2007). Menurut Zaidatol (2007); Humam (1992); Norasmah & Halimah (2007), usahawan yang kekurangan kemahiran dalam segi kewangan, pengurusan dan pengetahuan dalam menyediakan perancangan dalam perniagaan akan gagal dalam perniagaan. Kegagalan perniagaan adalah kerana kemahiran yang kurang dalam pengurusan iaitu lemah dalam pemasaran, meletakkan harga yang tidak sesuai, lemah dalam perancangan, lemah membuat keputusan, kewangan yang tidak betul, kurangnya komunikasi dan kurangnya kemahiran dalam mentadbir. Faktor luaran dan faktor dalaman merupakan antara faktor kejayaan. Menurut Romzie (2009), faktor luaran adalah terdiri daripada bantuan kerjaan, latihan dan kemahiran, lokasi, bilangan pekerja dan saiz perniagaan. Manakala dalam faktor dalaman adalah dipengaruhi oleh sifat yang ada dalam diri seorang usahawan iaitu sentiasa berdaya saing, mengambil langkah dengan tangkas, memikul tugas dan sentiasa kreatif dan juga inovatif.

Di Malaysia, kerajaan memainkan peranan penting di banyak peringkat dalam menarik minat masyarakat, terutamanya daripada semua usahawan perniagaan di negara ini untuk melibatkan diri dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Industri ini memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara. PKS telah menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhan mengikut aktiviti ekonomi utama meningkat daripada 32.5 peratus pada 2011 kepada 32.7 peratus pada 2012 (SME Corp. Malaysia. 2013). Menurut penyelidikan dalam laman web rasmi SME Corp, guna tenaga dalam sektor itu meningkat daripada 4,100,952 pada tahun 2009 kepada 4,854,142 pada tahun 2012. Usahawan bukan sahaja memulakan perniagaan baharu, tetapi juga mewujudkan lebih banyak pekerjaan yang membawa kepada perkembangan penemuan, teknologi, dan inovasi (Rosli et al. 2007).

Namun kini, situasi pandemik COVID-19 yang merunsingkan menyebabkan sektor ekonomi terjejas. Menurut Farique & Fauzi (2021), kebanyakan negara yang terlibat dalam wabak COVID-19 telah mengalami krisis hutang. Fenomena kegawatan ekonomi di seluruh dunia

dapat dilihat sangat memberi kesan negatif yang amat besar di peringkat antarabangsa. Menurut Bank of International Settlements (2011), data ekonomi yang dikeluarkan oleh IMF dan juga World Bank, ekonomi dunia secara puratanya dijangka pulih selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2022. Namun, bagi negara-negara yang bergantung kepada sektor ekonomi komoditi, pelancongan dan pembuatan dijangka akan berada di tahap yang kritikal. Menurut Farique & Fauzi (2021), selepas pandemik ini berakhir, kebanyakkan negara bakal menanggung jumlah ‘defisit fiskal’ yang tinggi kerana beban pengurusan kewangan yang perlu ditanggung. Proses pemulihan ekonomi global akan mengambil masa yang agak lama dan kitaran ekonomi memerlukan kepada stimulus baru untuk mempercepatkan kitaran semula.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dipilih adalah di pusat membeli-belah 1 Borneo, Kota Kinabalu, Sabah di titik koordinat 6.036111°N, 116.129444°E. Pusat membeli-belah 1 Borneo adalah yang terbesar di Sabah yang menjadi tumpuan orang ramai dan menjadi salah satu penyumbang kepada sektor ekonomi negara. Berdasarkan data pada tahun 2016, terdapat 118 kiosk yang beroperasi di pusat membeli-belah tersebut, dimana 11 daripadanya telah disewakan oleh syarikat pengurusan dan 107 telah dijual kepada pengusaha. Semasa penyerahan rancangan pembangunan, sebanyak 114 kiosk telah diluluskan dan pada tahun tersebut 260 kiosk akan ditambah lagi (Borneo Post Online, 2016). Rajah 1, Rajah 2, Rajah 3 dan Rajah 4 menunjukkan peta pusat membeli-belah 1 Borneo yang mempunyai empat tingkat iaitu aras bawah (lower ground floor), aras bawah (ground floor), tingkat pertama (first floor) dan tingkat kedua (second floor). Hasil dapatkan kajian di kawasan kajian, data tertinggi yang telah dikutip ialah sebanyak 28 kiosk yang berada di aras terbawah. Manakala bahagian aras bawah mencatat pungutan data sebanyak 10 buah kiosk. Di bahagian tingkat pertama pula mencatat pungutan data 8 buah kiosk dan bahagian tingkat kedua mencatat pungutan data sebanyak 4 buah kiosk sahaja. Hal ini kerana berdasarkan pemerhatian aras tingkat satu dan tingkat dua majoritinya adalah menyewakan kedai yang lebih besar dan terdapat sedikit sahaja lot kiosk yang disewakan. Tambahan pula, ramai kiosk yang telah ditutup sepanjang pandemik COVID-19 berlaku yang memberi kesan kepada pengusaha kiosk. Warna merah merupakan sebagai tanda kedudukan kiosk berdasarkan pungutan data yang telah diambil.



Rajah 1: Pelan Lantai Aras Terbawah (Lower Ground) 1 Borneo Hypermall

Sumber: Direktori Pusat beli belah 1 Borneo (2022)




Rajah 2: Pelan Lantai Aras Bawah (*Ground Floor*) 1 Borneo Hypermall

Sumber: Direktori Pusat beli belah 1 Borneo (2022)



Rajah 3: Pelan Lantai Aras Tingkat 1 (*First Floor*) 1 Borneo Hypermall

Sumber: Direktorij Pusat beli belah 1 Borneo (2022)



Rajah 4: Pelan Lantai Aras Tingkat 2 (*Second Floor*) 1 Borneo Hypermall

Sumber: Direktorij Pusat beli belah 1 Borneo (2022)

Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan pada 7 May 2021 menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu reka bentuk kajian tinjauan melalui metod soal selidik untuk mengumpul data bagi mendapatkan maklumat. Responden yang dipilih adalah tidak rawak di mana seramai 50 orang responden lebih tertumpu kepada pengusaha kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo, Kota Kinabalu untuk menjawab persoalan untuk mencapai objektif kajian. Responden terdiri daripada pelbagai latar belakang demografi dan telah dimaklumkan berkenaan dengan perlindungan kerahsiaan identiti. Tempoh masa kajian dijalankan adalah selama 14 minggu. Pengkaji telah membuat soalan borang soal selidik diadaptasikan berdasarkan beberapa rujukan. Dalam kajian ini pemerhatian secara terus dijalankan yang mana penyelidik turun ke lokasi kajian untuk melihat keadaan semasa kawasan kajian. Kaedah ini boleh membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat dan mengumpulkan data melalui komunikasi dengan responden.


Borang Soal Selidik

Dalam penyelidikan ini, satu set borang soal selidik dihasilkan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Seramai 50 orang pengusaha kiosk pusat membeli-belah 1 Borneo menjadi responden untuk kajian ini. Satu set borang soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A merupakan demografi responden dan bahagian B adalah berdasarkan objektif kajian iaitu mengenalpasti implikasi usahawan kiosk pusat membeli-belah 1 Borneo semasa pandemik COVID-19.


Hasil Kajian dan Perbincangan

Profil Demografi Responden


Bahagian ini membincangkan tentang maklumat demografi responden iaitu jantina, umur, bangsa, tempoh perniagaan, jenis perniagaan, dan pendapatan bulanan responden. Maklumat demografi responden adalah penting yang akan dijadikan sebagai data dan maklumat untuk dianalisis bagi meneliti perbezaan persepsi terhadap isu yang dikaji. Berdasarkan Rajah 5 berikut merupakan jantina responden iaitu terdapat 34 orang responden perempuan yang mewakili 68 peratus dan sebanyak 16 orang responden lelaki yang bersamaan dengan 32 peratus. Jumlah ini adalah responden yang terdiri daripada pengusaha kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo Kota Kinabalu, Sabah.

Jantina Responden**Rajah 5: Jantina Responden**

Berdasarkan Rajah 6 umur responden yang difokuskan adalah terbahagi kepada empat skala umur yang berbeza. Majoriti daripada responden adalah berumur 21 hingga 30 tahun yang mewakili 42 peratus bersamaan dengan 21 orang daripada keseluruhan responden yang menjawab borang soal selidik ini. Umur responden kedua tertinggi adalah responden yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 36 peratus bersamaan dengan 18 orang responden. Responden yang berumur 41 hingga 50 tahun menyumbang sebanyak 14 peratus yang mewakili 7 orang dan terdapat sejumlah kecil responden yang berumur 51 tahun ke atas yang mewakili 4 orang responden.


Umur Responden**Rajah 6: Umur Responden**

Rajah 7 menunjukkan bangsa responden iaitu pengusaha kiosk yang terlibat dalam kajian ini. Majoriti daripada responden yang memberi kerjasama untuk menjawab borang soal selidik ini adalah daripada bangsa lain-lain dimana ianya terdiri daripada bangsa Sino Kadazan, Suluk, Bugis, Dusun, dan Bajau yang mewakili 19 orang bersamaan dengan 38 peratus. Manakala, peratus kedua tertinggi adalah daripada bangsa Cina sebanyak 16 orang bersamaan dengan 32 peratus dan responden berbangsa Melayu mencatat 15 orang yang mewakili 30 peratus daripada keseluruhan kajian ini.




Rajah 7: Umur Responden

Berdasarkan Rajah 8, sebahagian besar daripada responden pengusaha kiosk yang menjawab borang soal selidik ini mempunyai kelulusan sekolah menengah iaitu sebanyak 58 peratus yang mewakili 29 orang responden. Responden yang mempunyai kelulusan dalam bidang diploma adalah sebanyak 12 orang bersamaan dengan 24 peratus secara keseluruhan. Manakala, responden yang berkelulusan sekolah rendah dan ijazah mencatat jumlah yang paling rendah iaitu masing-masing mewakili 10 peratus bersamaan dengan 5 orang dan 8 peratus bersamaan dengan 4 orang.



Rajah 8: Taraf Pendidikan Responden


Rajah 9 menunjukkan tempoh perniagaan responden iaitu pengusaha yang mengusahakan kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo, Kota Kinabalu. Majoriti daripada responden yang bermiaga Kiosk ialah mereka bermiaga selama 1 hingga 4 tahun yang mencatat 19 orang responden bersamaan dengan 19 peratus. Manakala tempoh perniagaan 5 hingga 8 tahun mencatat 18 orang bersamaan dengan 18 orang responden. Manakala tempoh bermiaga bagi 9 hingga 12 tahun adalah sebanyak 11 orang responden bersamaan dengan 22 peratus dan nilai tempoh perniagaan yang terendah adalah 13 hingga 16 tahun yang mencatat 2 orang responden yang bersamaan dengan 4 peratus daripada keseluruhan kajian.



Rajah 9: Tempoh Perniagaan Responden

Berdasarkan Rajah 10 terdapat lapan jenis perniagaan kiosk daripada pengusaha di pusat membeli-belah 1 Borneo. Majoriti jenis perniagaan yang dijalankan ialah kedai pakaian iaitu sebanyak 20 orang pengusaha bersamaan dengan 40 peratus. Peratus jenis perniagaan kedua tertinggi ialah kedai makan dan minum dimana perniagaan ini menyumbang sebanyak 10 orang bersamaan dengan 20 peratus pengusaha yang bermiaga. Manakala kedai telefon dan kedai aksesori mempunyai bilangan responden yang sama iaitu 5 orang yang bersamaan dengan 10 peratus. Jenis perniagaan kedai optik yang bermiaga dalam bentuk kiosk mencatat 4 orang pengusaha yang mewakili 8 peratus. Perniagaan kiosk iaitu kedai kosmetik pula mencatat 3 orang pengusaha yang mewakili 6 peratus. Bilangan yang mencatat jenis perniagaan kiosk terendah ialah daripada kedai kasut dan kedai percetakan dimana masing-masing mencatat 2 orang pengusaha bersamaan dengan 4 peratus dan 1 orang pengusaha bersamaan dengan 2 peratus.


Jenis Perniagaan Responden



Rajah 10: Jenis Perniagaan Responden

Rajah 11 menunjukkan pendapatan bulanan bagi pengusaha kiosk. Peratus pendapatan bulanan tertinggi ialah RM3000 ke bawah iaitu sebanyak 60 peratus bersamaan dengan 30 orang pengusaha kiosk yang menyatakan pendapatan mereka semasa pandemik COVID-19 telah menurun. Hal ini demikian kerana semasa pandemik COVID-19 ramai pengusaha kiosk yang kekurangan pelanggan. Jumlah pendapatan bulanan kedua tertinggi ialah RM3000 hingga RM5000 yang mewakili 22 peratus bersamaan dengan 11 orang pengusaha. Manakala pendapatan bulanan bagi RM5000 hingga RM7000 ke atas mencatat 3 orang responden bersamaan dengan 6 peratus. Pendapatan bulanan bagi RM7000 ke atas mencatat 6 orang responden bersamaan dengan 12 peratus.

Pendapatan Bulanan Responden



Rajah 11: Jenis Perniagaan Responden

Implikasi Pandemik Covid-19 Terhadap Usahawan Kiosk Pusat membeli-belah 1 Borneo
 Tafsiran skor min digunakan untuk meneliti skor bagi menjelaskan secara terperinci mengenai pernyataan berkenaan dengan implikasi usahawan Kiosk pusat membeli-belah 1 Borneo
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

semasa pandemik COVID-19 yang dilihat daripada beberapa aspek tertentu. Analisis tafsiran skor min adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tafsiran Skor Min

Julat	Tahap
1.00 - 1.80	Sangat Rendah
1.81 - 2.60	Rendah
2.61 - 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Mohamad Najib (1999)

Tafsiran skor min digunakan untuk meneliti skor bagi menjelaskan secara terperinci mengenai pernyataan Jadual 2 menunjukkan kekerapan bagi tahap persetujuan responden terhadap situasi yang diberikan di dalam borang soal selidik. Oleh itu, nilai kekerapan yang tertinggi pada setiap pernyataan akan diwarnakan kuning.

Berdasarkan data yang dianalisis, pernyataan pertama adalah ‘Pengusaha kiosk sukar untuk mendapat bekalan mentah semasa PKP’ dimana sebanyak 54 peratus bersamaan dengan 27 orang responden yang setuju dengan pernyataan ini. Kekangan pergerakan semasa pelaksanaan PKP menyebabkan pengusaha tidak dapat merentas daerah untuk mendapatkan stok barang yang diperlukan.

Bagi pernyataan yang kedua iaitu ‘Kekurangan pelanggan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan’. Hasil dapatan mencatat sebanyak 64 peratus bersamaan dengan 32 orang responden yang sangat setuju dengan pernyataan ini. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh kerajaan sejak COVID-19 menular di seluruh negara mengehadkan pergerakan seluruh rakyat Malaysia. Semasa pandemik COVID-19 berlaku, orang ramai lebih memilih untuk berada di rumah dan membeli secara atas talian. Oleh sebab itu, kebanyakan kedai Kiosk yang berada di pusat membeli-belah mengalami kekurangan pelanggan semasa PKP dilaksanakan.

Bagi pernyataan ketiga iaitu ‘Pengusaha mengurangkan jumlah pekerja semasa pandemik COVID-19’. Dalam pernyataan ini skala setuju dan sangat setuju mencatat jumlah yang sama iaitu masing-masing mencatat 30 peratus bersamaan dengan 15 orang responden. Jumlah keseluruhan bagi kedua-dua skala bagi pernyataan ini ialah 30 orang pengusaha yang mengakui bahawa mereka sebagai pemilik kiosk mengurangkan pekerja semasa pandemik COVID-19 kerana kekurangan pelanggan yang secara langsung menjaskan pendapatan kedai. Majoriti peniaga kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo menyatakan bahawa mereka tidak dapat menampung gaji pekerja yang ramai. Semasa pandemik COVID-19 pekerja yang ramai sebelum ini telah dihadkan dalam premis. Akibat daripada pandemik COVID-19 ini, terdapat banyak laporan di media tentang kesan PKP terhadap perniagaan berskala kecil yang kehilangan punca pendapatan harian akibat daripada gangguan rantai bekalan ekoran daripada penutupan sektor sokongan dan kekurangan pekerja yang terpaksa diberhentikan (Mohd Roji, 2020; Mohd Yusof, 2020).

Seterusnya, pernyataan yang keempat iaitu ‘Berlaku penurunan pendapatan jualan kerana tiada pelanggan’. Hasil daripada dapatan menunjukkan sebanyak 70 peratus bersamaan dengan 35 responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Penurunan pendapatan jualan berlaku kerana orang ramai takut untuk keluar ke lokasi awam termasuk pusat membeli belah. Selain daripada itu, pengusaha kiosk bersetuju dengan berlaku penurunan pendapatan jualan kerana sebelum ini ramai pelajar daripada Universiti Malaysia Sabah, Universiti Teknologi MARA dan Politeknik yang menjadi pelanggan tetap mereka selain daripada pengunjung di Kota Kinabalu. Namun, disebabkan oleh pandemik COVID-19 pelanggan yang datang di premis mereka hanyalah orang yang tinggal berdekatan dengan lokasi pusat membeli-belah 1 Borneo sahaja seperti daripada Kg. Delima, Kg. Pulau Penampang dan kediaman di 1 Borneo Tower A, Tower B dan Prince Tower. Menurut Nasir (2020) melalui tinjauan di pusat membeli belah di ibu negara Kuala Lumpur, penjaga kiosk Cenderamata menyatakan bahawa hasil jualan semakin merosot sejak sekatan dilaksanakan dengan jumlah keuntungan merosot sehingga RM300 jika dibandingkan sebelum pandemik yang dapat mencapai RM1000 setiap hari.

Manakala bagi pernyataan kelima ialah ‘Batasan pergerakan menyebabkan pengusaha tidak dapat membuat perkhidmatan penghantaran terus (COD) kepada pelanggan’. Hasil dapatan kajian menunjukkan sebanyak 36 peratus bersamaan dengan 18 orang responden yang memilih sangat setuju dalam pernyataan ini. Pengusaha kiosk sukar untuk membuat perkhidmatan penghantaran terus (COD) kerana Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mengeluarkan surat kebenaran kepada peniaga yang mahu menawarkan perkhidmatan berkenaan. Namun, terdapat syarat yang perlu dipatuhi yang hanya membenarkan penghantaran makanan atau barang dalam jarak antara 10 hingga 20 kilometer dan tidak dibenarkan merentasi daerah lain (Zatul Iffah, 2020).

Pernyataan yang seterusnya ialah ‘Kutipan jualan harian tidak dapat menampung modal yang dikeluarkan oleh pengusaha kiosk’. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 52 peratus bersamaan dengan 26 orang responden setuju dengan pernyataan ini. Kutipan jualan harian adalah rendah semasa pandemik COVID-19 kerana atas faktor kekurangan pelanggan yang secara langsung menyebabkan modal untuk membeli stok baharu tidak mencukupi.

Bagi pernyataan terakhir iaitu ‘Hutang (pinjaman modal) semakin meningkat kerana pengusaha tidak dapat membayar tepat pada masanya’. Berdasarkan pernyataan tersebut sebanyak 36 peratus bersamaan dengan 18 orang responden kurang setuju dalam pernyataan ini. Menurut pengusaha kiosk mereka telah mengambil beberapa inisiatif untuk mendapatkan cara untuk membayar pinjaman dengan menggunakan wang simpanan mereka. Terdapat juga pengusaha kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo tidak meminjam modal dari mana-mana syarikat kerana mereka menggunakan wang secara persendirian.

Jadual 2: Implikasi Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Sebelum Dan Semasa Pandemik Covid-19

Bil.	Pernyataan Implikasi Usahawan Kiosk	Skala	Kekera pan	Peratus (%)
1.	Pengusaha kiosk sukar untuk mendapat bekalan mentah semasa PKP	Sangat tidak setuju	6	12
		Tidak setuju	1	2
		Kurang setuju	10	20

		Setuju	27	54
		Sangat setuju	6	12
2.	Kekurangan pelanggan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan	Sangat tidak setuju	0	0
		Tidak setuju	0	0
		Kurang setuju	0	0
		Setuju	18	36
		Sangat setuju	32	64
3.	Pengusaha mengurangkan jumlah pekerja semasa pandemik COVID-19	Sangat tidak setuju	9	18
		Tidak setuju	2	4
		Kurang setuju	9	18
		Setuju	15	30
		Sangat setuju	15	30
4.	Berlaku penurunan pendapatan jualan kerana tiada pelanggan	Sangat tidak setuju	2	4
		Tidak setuju	0	0
		Kurang setuju	2	4
		Setuju	11	22
		Sangat setuju	35	70
5.	Batasan pergerakan menyebabkan pengusaha tidak dapat membuat perkhidmatan penghantaran terus (COD) kepada pelanggan	Sangat tidak setuju	10	20
		Tidak setuju	1	2
		Kurang setuju	6	12
		Setuju	15	30
		Sangat setuju	18	36
6.	Kutipan jualan harian tidak dapat menampung modal yang dikeluarkan oleh pengusaha kiosk	Sangat tidak setuju	2	4
		Tidak setuju	2	4
		Kurang setuju	2	4
		Setuju	26	52
		Sangat setuju	18	36
7.	Hutang (pinjaman modal) semakin meningkat kerana pengusaha tidak dapat membayar tepat pada masanya	Sangat tidak setuju	4	8
		Tidak setuju	7	14
		Kurang setuju	18	36
		Setuju	10	20
		Sangat setuju	11	22

Jadual 3 menunjukkan tafsiran skor min implikasi usahawan kiosk pusat membeli-belah 1 Borneo semasa pandemik COVID-19. Berdasarkan jadual tersebut terdapat dua skala yang sangat tinggi (ST) dan Tinggi (T) yang menunjukkan kesan semasa pandemik COVID-19 di pusat membeli-belah 1 Borneo. Di antara pernyataan yang mencatat nilai min sangat tinggi (ST) yang mencatat min (4.64) ialah ‘kekurangan pelanggan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan’. Hal ini secara langsung mengakibatkan ‘berlaku penurunan pendapatan jualan kerana tiada pelanggan’ dengan skor min (4.54) (ST). Berdasarkan kajian ini pendapatan bulanan bagi pengusaha kiosk pusat membeli-belah 1 Borneo mendapati peratus pendapatan bulanan tertinggi semasa pandemik COVID-19 ialah RM3000 ke bawah iaitu

sebanyak 60 peratus bersamaan dengan 30 orang pengusaha Kiosk. Hal ini demikian kerana semasa pandemik COVID-19 ramai pengusaha kiosk yang kekurangan pelanggan. Tambahan lagi, tempoh masa pelanggan dalam pusat membeli belah juga turut dihadkan kepada maksimum dua jam sahaja mengikut prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Dalam tempoh PKP ini, banyak aktiviti perniagaan dan ekonomi terjejas dan seterusnya menyebabkan pendapatan bulanan para pengusaha perusahaan kecil dan sederhana berkurangan (Siong et., al., 2020). Tindakan pelaksanaan PKP di seluruh negara menyebabkan pergerakan orang ramai terhad yang secara langsung membawa implikasi kepada peniaga dengan mengalami kerugian.

Menurut Zamri dan Nurul (2020), sektor PKS ini secara kolektifnya merupakan majikan terbesar di negara dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 10 juta pekerja dan kolektif pinjaman bank lebih RM300 bilion. Namun, oleh kerana PKP kini ramai di antara mereka yang hampir ke arah muflis, jika tiada bantuan sewajarnya ramai yang dijangka akan gulung tikar dalam perniagaan tersebut. Beberapa tinjauan menyatakan peniaga merungut kerana mengalami kerugian sepanjang COVID-19 kerana pengusaha kehilangan punca pendapatan. Namun daripada situasi ini, peniaga kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo memahami keadaan yang berlaku tanpa perancangan.

Selain itu, bagi tafsiran ketiga tertinggi iaitu ‘kutipan jualan harian tidak dapat menampung modal yang dikeluarkan oleh pengusaha kiosk’ adalah di tahap tinggi (T) iaitu mencatat skor min (4.12). Hal ini demikian kerana terdapat pengusaha kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo mengeluh bahawa tidak ramai pelanggan yang masuk ke dalam pusat membeli belah sebaliknya orang ramai lebih memilih untuk membeli makanan atau barang di tempat terbuka untuk mengelakkan orang berkumpul di satu kawasan yang boleh membawa risiko jangkitan COVID-19.

Tafsiran skor min yang terendah iaitu sederhana (S) dalam jadual 3 pula ialah ‘hutang (pinjaman modal) semakin meningkat kerana pengusaha tidak dapat membayar tepat pada masanya’ dengan mencatat skor min (3.34). Dalam situasi ini beberapa pengusaha kiosk pusat membeli-belah 1 Borneo masih dapat membayar pinjaman modal dengan tepat pada masanya kerana mereka mengambil beberapa inisiatif dengan membuat permohonan daripada kerajaan untuk menyokong kewangan mereka. Antara bantuan kerajaan yang ditawarkan ialah Skim Jaminan Prihatin Dana Jamin (DPGS) yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN) dimana skim ini disasarkan kepada perniagaan yang berdaya maju dalam semua sektor yang menghadapi kesukaran akibat penularan COVID-19 (Noor Atiqah, 2021).

Selain daripada itu, kerajaan Malaysia telah berjaya mengurangkan impak melalui PKP 2.0 dengan menyediakan pelbagai pakej rangsangan termasuk Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) berjumlah RM15 bilion (MIDA, 2020). Sepanjang tahun 2020 pelbagai langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia supaya dapat memulihkan ekonomi negara pada sedia kala dengan memperkenalkan beberapa pakej rangsangan ekonomi iaitu KITA PRIHATIN, PRIHATIN, PENJANA dan PRIHATIN PLUS yang bernilai RM305 bilion yang bertujuan untuk menjaga kebajikan rakyat, industri dan perniagaan (MIDA, 2020). Walau bagaimanapun, terdapat pengusaha kiosk yang memilih untuk tidak meminjam modal dari mana-mana syarikat kerana menggunakan wang modal persendirian.

Jadual 3: Tafsiran skor min Implikasi Usahawan Kiosk 1 Borneo Hypermall Semasa Pandemik Covid-19

Pernyataan Implikasi Usahawan Skor Min Kiosk	Tahap
Kekurangan pelanggan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan	ST
Berlaku penurunan pendapatan jualan kerana tiada pelanggan	ST
Kutipan jualan harian tidak dapat menampung modal yang dikeluarkan oleh pengusaha kiosk	T
Batasan pergerakan menyebabkan pengusaha tidak dapat membuat perkhidmatan penghantaran terus (COD) kepada pelanggan	T
Pengusaha kiosk sukar untuk mendapat bekalan mentah semasa PKP	T
Pengusaha mengurangkan jumlah pekerja semasa pandemik COVID-19	T
Hutang (pinjaman modal) semakin meningkat kerana pengusaha tidak dapat membayar tepat pada masanya	S

Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga implikasi yang paling dominan iaitu pengusaha menyatakan bahawa kedai kiosk mereka mengalami kekurangan pelanggan semasa Perintah Kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan. Hal ini dipengaruhi oleh peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dimana tempoh masa pelanggan dihadkan dalam pusat membeli belah kepada maksimum dua jam sahaja berdasarkan prosedur operasi standard 3.0. Seperti yang diketahui umum tindakan pelaksanaan PKP di seluruh negara menyebabkan pergerakan orang ramai terhad yang secara langsung membawa implikasi kepada peniaga sehingga mengalami kerugian yang besar.

Seterusnya, pengusaha kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo juga menyatakan kesan utama yang berlaku semasa pandemik COVID-19 ialah pendapatan jualan mereka menurun kerana tiada pelanggan. Hal ini telah mempengaruhi pendapatan jualan pengusaha kiosk pusat membeli-belah 1 Borneo dimana majoriti pengusaha kiosk mengakui bahawa pendapatan bulanan mereka menurun iaitu RM3000 ke bawah. Dalam tempoh pandemik COVID-19 aktiviti perniagaan dan ekonomi secara langsung terjejas yang membawa pengaruh penurunan pendapatan kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana. Terdapat rungutan daripada pengusaha bahawa ramai di antara mereka yang muflis kerana bantuan yang diberikan oleh kerajaan tidak dapat membantu mereka untuk bertahan dan bermula dengan lama semasa pandemik COVID-19.

Pengusaha turut menyatakan bahawa mereka tidak dapat menampung modal yang diperlukan jika bergantung dengan hasil jualan harian semasa pandemik COVID-19. Pengusaha kiosk mengeluh bahawa tidak ramai pelanggan yang masuk ke dalam pusat membeli belah. Hal ini kerana orang ramai lebih cenderung di tempat awam seperti pasar raya, dan di kedai-kedai lain selain daripada pusat membeli belah. Situasi semasa pandemik COVID-19 telah mengawal pergerakan yang secara tidak langsung memberi ancaman kepada keselamatan yang akan meningkatkan keresahan dan kembangungan di kalangan orang ramai untuk datang ke dalam pusat membeli belah di pusat membeli-belah 1 Borneo.

Kesimpulan

Secara umum diketahui bahawa ekonomi Malaysia telah terjejas dan dipengaruhi oleh pandemik COVID-19 yang berlaku di seluruh negara yang sekali gus membawa kesan yang amat besar kepada pengusaha. Justeru, pelbagai inisiatif yang lebih berkesan dan komprehensif harus dilakukan oleh semua pihak yang terlibat yang perlu bertanggungjawab dalam bersama-sama menangani situasi ini bersama pengusaha-pengusaha yang masih kekal untuk meneruskan perniagaan walaupun pelbagai implikasi dan cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19. Di antara langkah yang boleh dijalankan oleh PKS bagi meningkatkan aktiviti perniagaan adalah seperti membuat pengiklanan melalui media sosial, meningkatkan kepelbagaian produk dan menyediakan perkhidmatan penghantaran Segera (COD) untuk menarik lebih ramai pelanggan. Ringkasnya, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu kepada pihak yang berkepentingan untuk memantapkan lagi langkah-langkah untuk membantu pengusaha kiosk di pusat membeli-belah 1 Borneo.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd.

Rujukan

- Ali Salman, S & Nelson, O., N. 2006. An Evaluation of SME Development in Malaysia. *International Review of Business Research Papers*. 2(1), 1-14
- Baharun, M. T., & Balwi, M. A. W. F. M. 2021. Potensi Dan Cabaran Perniagaan E-Dagang Pasca Covid-19: Suatu Cadangan Penyelesaian. *Online Journal of Islamic Management and Finance (OJIMF)*, 1(1), 1-12.
- Berita Harian. 23 March 2020. COVID-19: Industri gedung beli-belah berdepan kerugian lebih RM750 juta. Dipetik dari <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2020/03/668444/covid-19-industri-gedung-beli-belah-berdepan-kerugian-lebih-rm750-pada-8-julai-2022>
- Bernama. 12 Oktober 2021. 37,415 usahawan gulung tikar sepanjang tempoh pandemik. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/765334/37415-usahawan-gulung-tikar-sepanjang-tempoh-pandemik> pada 5 Januari 2022.
- Borneo Post Online. 7 November 2016. Operators Real Victims in 1Borneo Kiosks Fiasco-yong. Dipetik dari <https://www.theborneopost.com/2016/11/07/operators-real-victims-in-1borneo-kiosks-fiasco-yong/> pada 5 Februari 2022.
- Fareez Azman. 2020. Adakah peniaga IKS Malaysia bersedia memasuki ekonomi digital?. *Astro Awani*. 4 April 2020. Dipetik dari <http://www.astroawani.com/beritamalaysia/adakah-peniaga-iks-malaysia-bersedia-memasuki-ekonomi-digital-236786> pada 7 Januari 2022

- Finley, L. 1990. Entrepreneurial strategy: text and cases. Boston: PWS-KENT Publishing Company.
- Humam, H., M. 1992. Keusahawanan di Malaysia dalam asas keusahawanan. *Shah Alam: Biroteks ITM*.
- Ibrahim, P., & Yahya, D. D. 2014. Keusahawanan dan daya saing dalam sektor pelancongan pulau. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Loganathan, N., Sukemi, M. N., Nawawi, M. N., Harun, M., & Abu Hasan, Z. R. 2004. Kertas kerja mengenai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS): Kajian Kes Pesisiran pantai Timur Semenanjung Malaysia (Working paper on small medium enterprise: Case studies on the coastal east coast of Peninsular Malaysia).
- Mohd Tarmizi, B., and Muhd Rashid R. 2009. Faktor Peniaga Kecil Bumiputera Mencebur Bidang perniagaan Dalam Sektor Makanan di Kampung Baru, Kuala Lumpur (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Mohd Roji Kawi. 2020. Harian Metro. Peniaga kecil sesuaikan diri norma baharu. 26 April 2020. *Harian Metro*. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571425/peniagakecilsesuaik-an-diri-norma-baharu-metrotv> pada 10 Januari 2022.
- Mohd Yusof Saari. 2020. COVID-19: Malaysia sedang alami perubahan ekonomi total, ini 8 langkah persediaan. 31 Mac 2020. *Astro Awani*. Dipetik dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/COVID-19-malaysia-sedangalami-perubahan-ekonomi-total-ini-8-langkah-persediaan-236161> pada 10 Januari 2021.
- MIDA. 2020. Laporan Prestasi Tahunan Malaysia. Memacu Pemulihan Ekonomi Negara. Dipetik dari https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2021/03/MIDA-IPR2020_BM.pdf pada 10 Januari 2022
- Moha Asri. 1998. *Persepsi usahawan kecil dan sederhana terhadap program latihan di Malaysia*. Akademika 52 Januari, 35-47
- Nor Hasni, O. 2005. *Keefisienan dan amalan perniagaan usahawan kecil bumiputera di Negeri Kedah Darul Aman*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah, H., O., & Halimah, H. 2007. *Keusahawanan Remaja Malaysia*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noor Atiqah Sulaiman. 2021. Manfaatkan skim bantuan kerajaan mula perniagaan. *Berita Harian*. 20 Oktober 2021. Dipetik dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/878192/manfaatkan-skim-bantuan-kerajaan-mula-perniagaan> pada 13 Julai 2022.
- Rashid, S. M. R. A & Hassan, F. 2020. Amalan dan penglibatan peniaga kecil melalui perniagaan digital semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. GEOGRAFI, 8(2), 1-20
- Rima, A, R., & Harifah, M, N. 2021. Kesan pandemik Covid-19 terhadap perniagaan makanan tradisi yang diusahakan oleh usahawan PKS dan bantuan kerajaan yang diperlukan semasa pandemic Covid- 19 di Kota Kinabalu, Sabah. Jurnal Kinabalu, 133-150.
- Rosli, M., Lily Julienti A, B., Mohamad Yusop M, J., Muhammad Shukri B., Norita D., Norria, Z., Syahrina A., Rosli M. S., and Azrain Nasyrah M. 2007. Prinsip-prinsip asas keusahawanan
- Romzie, R. 2009. Risk management practices and risk management processes of Islamic banks: a proposed framework. *International Review of Business Research Papers*, 5(1), 242-254.
- Smita Kuriakose. 2020. Reopening Malaysia's economy in a new normal. *East Asia & Pacific on the Rise in World Bank Blogs*. 7 Mei 2020. Dipetik dari

<https://blogs.worldbank.org/eastasiapacific/reopening-malaysia-economy-new-normal-pada-10-Januari-2022>.

Siong, W. H., Manaf, A. W. A., & Ali, J. M. 2020. Tinjauan tentang kesan Covid-19 dan isu perundangan terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia. International Journal of Law Government and Communication, 5(21), 72-82.

SME Corp. Malaysia. 2013. Garis Panduan Bagi Definisi Baharu PKS disediakan oleh SME corp. Malaysia Sekretariat bagi Majlis Pembangunan Perniagaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan. Dipetik dari <http://www.smecorp.gov.my> pada 6 Januari 2022

Yi, V. Z. 2020. Struggle of Malaysian SMEs during the COVID-19 pandemic. Policy Brief. KSI Strategic Institute for Asia Pacific

Yusof, A. Z., & Zakaria, Z. 2004. *Prinsip keusahawanan* (Vol. 2). Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Zaidatol, A., L., P. 2007. *Usahawan & keusahawanan: satu perspektif pendidikan*. Universiti Putra Malaysia.

Zatul Iffah Zolkiply. 2020. Boleh COD, Tetapi Patuhi Syarat. Harian Metro. 12 April 2020. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/565616/boleh-cod-tetapi-patuhi-syarat-pada-12-julai-2022>.

Zamri Rambliz Dan Nurul Riduan Nor Ashaha. 2020. Peniaga PKS makin sukar bertahan!. 27 Mar 2020. *Sinar Harian*. Dipetik dari <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/75809> pada 10 Januari 2022.

Zimmerer, T. W. & Scarborough, N. M. (1996). Entrepreneurship and new venture formation. New Jersey: Prentice Hall